

Dr. M. Iqbal dinobatkan TOYM 2012

PENSYARAH Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Madya Dr. M. Iqbal Saripan dianugerahkan Anugerah Belia Cemerlang Malaysia (TOYM) 2012 bagi kategori Inovasi Perubatan baru-baru ini.

Beliau yang juga Ketua Jabatan Kejuruteraan Sistem Komputer dan Komunikasi, Fakulti Kejuruteraan UPM menumpukan kajian penyelidikan dalam bidang pemprosesan isyarat, imej digital, pengimejan perubatan, kejuruteraan bioperubatan dan pemprosesan audio dan video.

Dr. Iqbal berjaya menemui kaedah mengesan sel kanser peringkat awal dengan menggunakan pengimejan nuklear yang dikenali sebagai Pengkolimat Jaringan Wayar.

Ciptaan ini boleh mengesan saiz kanser sekecil satu millimeter dan pengkolimat yang telah diubah suai itu tidak memberi kesan radiasi kepada pesakit.

“Inovasi perubatan bukan sahaja melibatkan penyertaan daripada doktor perubatan dan pesakit tetapi juga jurutera.

“Kewujudan bersama maklumat perubatan dan kejuruteraan telah menghasilkan bidang baru iaitu kejuruteraan bioperubatan. Bidang pelbagai disiplin ini menggabungkan kepakaran dari latar belakang yang berbeza untuk mencapai satu objektif yang sama iaitu kemajuan kemudahan perubatan untuk manfaat masyarakat,” katanya.

Iqbal berkata, usaha mengesan sel kanser pada peringkat awal adalah sesuatu yang amat penting dalam penyelidikan kini.

Dua lagi penyelidik UPM yang berjaya disenaraikan sebagai 30 orang finalis bagi TOYM 2012 ialah Prof. Madya Dr. Alyani Ismail dari Jabatan Kejuruteraan Sistem Komputer dan Komunikasi, Fakulti Kejuruteraan, UPM untuk kategori kepimpinan akademik.

Selain beliau, seorang lagi yang tersenarai ialah Prof. Madya Dr. Cheah Yoke Kqueen dari Jabatan Sains Bioperubatan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, UPM bagi kategori pembangunan teknologi saintifik.



M. Iqbal Saripan bersama Anugerah Belia Cemerlang Malaysia yang dimenangnya.